

## Pendekatan *Ta'āmul*-taklif dalam Kajian Sastera

ZULKARNAIN MOHAMED

### ABSTRAK

*Kajian menyentuh pendekatan Islami yang sesuai dalam kajian sastera dalam usaha memberi gambaran tepat tentang tasawwur Islami. Pendekatan yang dimaksudkan ialah ta'āmul-taklif, satu kombinasi antara dua pertimbangan dalam kajian sastera. Pendekatan ini penting dalam menjaga tasawwur Islami semasa memanfaatkan sumber dan membina ilmu atau disiplin secara khusus sesuai dengan tuntutan Islam dalam membina budaya ilmu. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan pendekatan tersebut dalam menjaga tasawwur Islami kerana kedua-dua komponen ta'āmul dan taklif menggambarkan kesedaran dan kewajipan penulis Muslim. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis dan pentafsiran semula terhadap konsepsi dan tanggapan, norma-norma ilmu pengetahuan dan kepatuhan agama. Kajian ini menggunakan kerangka teori tauhid yang diasaskan pada wahyu, iaitu al-Qur'an. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan tersebut berupaya memurnikan tasawwur Islami dan membezakan antara karya Islami dan bukan Islami.*

*Kata kunci: ta'āmul, taklif dan tasawwur*

### ABSTRACT

*This study addresses Islamic approach relevant to literary study in an effort to portray an accurate Islamic worldview. The approach in question is ta'āmul-taklif, a combination of two considerations in literary study. It is significant in projecting Islamic worldview while drawing on sources and building up knowledge or specifically discipline in line with the requirement of Islam in establishing a knowledge culture. This study is intended to analyze the significance of the approach in the projection of Islamic worldview because both components of ta'āmul and taklif reflect consciousness and responsibility qualities in Muslim writers. This study is built on an analysis of conception and perception, and a reinterpretation of fundamental knowledge and religiosity norms. It is based on the theoretical framework of tauhid inspired by the Revelation, i.e. the Qur'an. It is found that the approach is capable of crystallizing Islamic worldview besides separating Islamic work from non-Islamic work.*

*Key words: ta'āmul, taklif and worldview*

## PENDAHULUAN

Dalam Islam, kedua-dua ilmuwan dan sasterawan melakukan dua fungsi yang berbeza tetapi saling melengkapi seperti pandangan °Abd al-H̄mīd Būzuwaynah (1990: 111). Beliau membandingkannya dengan satu matawang yang mempunyai dua sisi yang berbeza tetapi saling memerlukan. Sisi yang pertama berkait dengan perintah langsung al-Qur'an dan ia diwajibkan kepada ilmuwan manakala sisi kedua berkait dengan perintah tak langsung al-Qur'an, iaitu penyampaian risalah Islamiah secara hikmah. Bahagian ini diwajibkan kepada pemberi hikmah atau pendidik yang tidak langsung, dalam konteks ini sasterawan. Antara bentuk perintah tak langsung yang penting ialah pertama *amthāl*, perumpamaan atau perbandingan; dan kedua penceritaan seperti penegasan tentang *aḥsan al-qaṣaṣ*, iaitu cerita terindah pada ayat al-Qur'an (12: 3).

Bentuk perintah tak langsung ini boleh dikaitkan dengan dua proses untuk menghasilkan suatu pendidikan tak langsung atau karya sastera yang murni dan harmonis dengan Islam, seterusnya memelihara tasauwur Islami. Kedua-dua proses ini ialah berurusan dengan sumber dan memaparkannya dalam karya. Berurusan dengan sumber di sini bermaksud merujuk kepada sumber itu dengan kesedaran tentang nilai yang mendasarinya manakala memaparkannya dalam karya bermaksud mengembangkan dimensinya dalam karya, tanpa melewati batas kewajarannya. Dua proses ini diberikan perhatian dalam kajian ini. Ia penting kerana seseorang Muslim termasuk sasterawan itu terikat dengan akidah Islamiah melalui tiga perkara, iaitu pertama pengakuan atau pengucapan, kedua perbuatan atau tindak tanduk, dan ketiga hati. Gubahan sastera melambangkan pengakuan penulis yang tidak disuarakan melalui lisan tetapi melalui pena sastera. Tanpa ikatan akidah Islamiah ini, penghinaan terhadap Islam berlaku dalam sesebuah karya.

Akidah Islamiah dari segi bahasa daripada perkataan °*aqada* dalam bahasa Arab, ertinya mengikat dan akidah menjadi kata terbitan °*aqada*, iaitu °*aqīdah* atau ikatan. Ia adalah unik jika dibandingkan dengan mana-mana pegangan, kepercayaan atau agama lain. Akidah Islamiah diasaskan pada tiga aspek penting, iaitu tauhid *rubūbīyah*, tauhid *ulūhīyah* dan tauhid *asmā' wa sifāt*. Tauhid *rubūbīyah* bererti mengakui kekuasaan mutlak Allah Taala terhadap alam ini dan alam lain yang di luar pengetahuan manusia. Tauhid *ulūhīyah* berkait dengan pengakuan mutlak seseorang hamba terhadap agama Islam sebagai cara hidup yang sempurna dan lengkap yang perlu dipatuhi. Tauhid *asmā' wa sifāt* ialah mempercayai semua nama dan sifat Allah Taala seperti yang dinyatakan

dalam al-Qur'an dan Hadith. Seseorang Muslim dianggap menjaga akidahnya apabila ketiga-tiga aspek akidah Islamiah tersebut dijaga melalui tiga ikatan pengakuan, perbuatan dan hati.

Akidah Islamiah berkait dengan karya sastera melalui tauhid *ulūhīyah*, iaitu pengakuan dan pengiktirafan terhadap Islam dan Rasulullah SAW yang menyampaikan agama Islam tersebut. Karya yang relevan dengan Islam dianggap menjaga tauhid *ulūhīyah*. Sebarang keraguan yang dicituskan terhadap peraturan hidup Islam dianggap sebagai terkeluar dari ruang lingkup tauhid *ulūhīyah* kerana sifat keraguan bercanggah dengan ketegasan akidah seperti yang dinyatakan di atas. Gambaran salah tentang Islam merupakan salah satu kesan daripada keraguan tersebut dan ia jelas melewati ruang lingkup akidah tersebut. Antara gambaran salah tentang Islam ialah anggapan bahawa al-Qur'an itu ciptaan Nabi Muhammad SAW dan tuduhan bahawa Baginda sebagai gila seks seperti yang digambarkan dalam beberapa tulisan orientalis yang anti-Islam dan karya sastera yang kontroversial seperti *The satanic verses* karya Salman Rushdie dan *Awlād Hāratinā*, karya Najīb Mahfūz.

Semua ini bertolak daripada pengabaian etika dalam merujuk sumber Islami dan mentafsirkannya dalam karya. Pada asasnya, semua sumber sama ada Islami atau bukan Islami mengandungi nilai tersirat. Sumber Islami mengandungi nilai akidah, syariat dan akhlak Islamiah manakala sumber bukan Islami mengandungi nilai ideologi, fahaman dan sebagainya. Nilai dalam sumber Islami bersifat *kāffah* seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'an (2: 208) atau bersifat intergral, apabila salah satu daripada asas-asas agama Islam dan akidah Islamiah dinafikan, semua nilai turut dinafikan. Dengan itu, nilai tersebut mengawasi pentafsiran dan pemanfaatan suatu sumber itu supaya menggambarkan dimensi yang sedia wujud. Sebagai contoh berkenaan dengan dimensi tafsiran terhadap seseorang Nabi, ia hanya terbatas dalam ruang lingkup kenabian.

Sehubungan konsep kenabian di atas, Muhammad al-Ghazālī (1983: 216-217) membezakan Nabi atau Utusan Allah yang menerima wahyu daripada genius, ahli falsafah dan sebagainya yang terpisah daripada wahyu. Sifat-sifat saintis, politikus, nasionalis, ahli falsafah dan sebagainya juga berlawanan dengan sifat *ummi* atau buta huruf Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan pelabelan sahaja, tanpa menggambarkan dimensi kenabian Baginda. Pelabelan ini hanya menegaskan ketokohan, bukan kenabian yang sepatutnya. Dengan itu, ia meletakkan Baginda pada dimensi makna yang tidak jauh bezanya dengan tokoh-tokoh agama Buddisme, Hinduisme, Confucionisme dan sebagainya. Sifat *ummi*, yang khusus sebagai bukti kenabian Nabi Muhammad SAW menolak pelabelan

itu dan membuktikan bahawa Baginda menerima wahyu langsung daripada Allah Taala.

Kesemua gambaran salah tentang tasawwur Islami di atas pada asasnya berkait dengan dua persoalan utama, iaitu pertama pemanfaatan sumber termasuk pembacaan, adaptasi dan manipulasi; dan kedua pemaparan sumber dalam karya. Persoalan pertama berkait dengan *istikhdām* sumber, iaitu penggunaannya tanpa kesedaran nilai yang mendasarinya dan ia berbeza dengan pendekatan *ta'āmul* yang diberikan tumpuan dalam kajian ini. Pendekatan *ta'āmul* dibahaskan secara terperinci oleh Sayyid Sayyid<sup>o</sup> Abd al-Rāziq (2002) dan kajian ini bertujuan memperjelas dan melebarkan konteksnya dengan penekanan pada nilai di sebalik sumber dan melebarkan konteks kepada senario tempatan sebagai tambahan kepada senario Arab-Islam yang disentuh oleh beliau. Begitu juga persoalan kedua, iaitu pemaparan sumber dalam karya berbeza dengan pendekatan taklif dalam konteks kajian ini. Pendekatan taklif dibincang secara terperinci oleh Mohd. Affandi Hassan et al. (2008). Dalam konteks kajian ini, taklif dianggap sebagai satu koordinasi atau kesinambungan kepada *ta'āmul*. Kedua-dua pendekatan itu dianggap sebagai satu pendekatan yang saling melengkapi.

Untuk itu, perkara-perkara berikut diberikan perhatian, iaitu “*Ta'āmul*, dilalah dan semiotik”, “*Ta'āmul*, autonomi pembaca dan mod pembacaan”, “Taklif, kepincangan dan propaganda”, “Taklif dan sosiologi sastera” dan “Kombinasi *ta'āmul*-taklif”.

### *TAC'ĀMUL, DILĀLAH DAN SEMIOTIK*

Tiga elemen akan dijelaskan di sini, iaitu *ta'āmul*, *dilālah* dan semiotik untuk membahaskan kewajaran komponen *ta'āmul* dalam kombinasi atau gabungan *ta'āmul*-taklif dengan fokus kepada definisi dan teori. Ia akan diperkemas lagi pada subtopik seterusnya dari sudut praktis atau amalan.

Elemen pertama, *ta'āmul* bermaksud berurusan dengan tanggung jawab dan kesedaran minda terhadap sumber yang dibaca. Ia mempunyai konotasi yang penting, iaitu etika atau akhlak di sebalik tanggung jawab dan kesedaran tersebut. *Ta'āmul* lebih hampir dengan istilah ‘dialog’ dari sudut etika atau peraturan yang tersirat di sebalik istilah tersebut. Dialog meletakkan kebudayaan yang mempengaruhi dan kebudayaan yang terpengaruh pada tahap yang sesuai dengan latar belakang masing-masing yang berbeza, tanpa menghina mana-mana kebudayaan termasuk

mengorbankan kebudayaan sendiri. Mustahil untuk meletakkan kedua kebudayaan tersebut pada tahap yang sama – seperti yang disarankan oleh Bassnett (1993) – kerana kebudayaan seperti kebudayaan Islam dan Barat diasaskan pada asas norma sosial yang berbeza. Ukuran kebenaran dan kewajaran dalam kebudayaan Islam disandarkan kepada akidah, syariat dan akhlak Islamiah manakala ukuran kebenaran dan kewajaran Barat disandarkan kepada akal, material dan fizikal.

Seterusnya, elemen kedua *dilālah* yang secara literalnya bererti “makna” tetapi ia berbeza dengan makna yang bersahaja. *Dilālah* terbatas pada satu kumpulan dimensi makna yang secocok dengan sesuatu penamaan (*nomenclature*). Ia diasaskan pada nilai yang tetap yang diasosiasikan dengan penamaan itu, iaitu akidah, syariat dan akhlak Islamiah. Ia menjadi penekanan penting dalam pendekatan *ta‘āmul*-taklif seperti yang dibahasakan di sini. Elemen ketiga, semiotik secara literalnya bermaksud kajian “makna” di sebalik simbol tetapi “makna” yang ditekankan dalam semiotik boleh melewati dimensi makna sesuatu penamaan kerana ia tidak diikat dengan satu bentuk nilai yang tetap. Dengan itu, semiotik mendedahkan aspek-aspek penamaan itu yang dianggap sebagai tidak mempunyai nilai yang tetap bebas seperti aspek fizikal, abstrak dan imajinasi kepada pelbagai pentafsiran, eksploitasi atau manipulasi.

Berkenaan karya sastera, aspek atau ruang yang dianggap tidak mempunyai nilai yang tetap ialah kod dan simbol. Kod atau simbol menjadi sasaran pentafsiran yang bebas pendekatan semiotik seperti yang boleh dikaitkan dengan pandangan Umar Yunus (1985: 73-84, 87-94). Dalam menjelaskan pendekatan semiotik, beliau menghubungkan pentafsiran kod atau simbol sastera dengan bantuan konteks sosial pengkaji. Seterusnya, mod pentafsiran dominan bagi kod atau simbol ini ialah simbolisme dan intertekstualiti. Dari penjelasan beliau, dapat dirumuskan bahawa simbolisme merupakan satu kajian tentang makna di sebalik simbol manakala intertekstualiti menyentuh pengaruh teks sastera daripada suatu sumber kebudayaan dan agama terhadap karya dalam kebudayaan atau agama yang lain. Walau bagaimanapun, penekanan pada simbolisme dan intertekstualiti menyebabkan simbol dan teks sastera keseluruhannya dikedepankan berbanding dengan nilai tersirat seperti agama, ideologi atau fahaman. Pada asasnya suatu kod atau simbol sastera itu sama ada muncul dalam sesuatu kebudayaan atau ia dipinjam dan dikembangkan daripada kebudayaan lain tetap membawa nilai tersirat yang asal. Ini kerana suatu kod atau simbol melambangkan suatu kebudayaan, kepercayaan dan pegangan tertentu, ia tidak bersifat neutral.

Dimensi simbolisme dan intertekstualiti dalam pendekatan semiotik membuka ruang pentafsiran yang tidak terkawal. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dimensi simbolisme menyebabkan pentafsiran bebas terhadap konsep kenabian dan melewati sempadan kewajaran tasawwur Islami tentang konsep itu. Secara perbandingan, dimensi *dilālah* bersifat tetap dan tertakluk kepada akidah dan syariat Islamiah dan ia menghalang pentafsiran yang bebas. Di samping pentafsiran yang bebas, dimensi *dilālah* menghalang nada, konteks dan seumpamanya yang tidak sesuai dengan tasawwur Islami. Sebagai contoh, salah satu dimensi *dilālah* pada cerita Israk dan Mikraj ialah kewajipan beriman kepadanya. Apabila cerita ini dikaitkan dengan nada atau aspek humor seperti yang dipaparkan dalam cerpen “Langit makin mendung” karya Kipandjikusmin (1972) dengan sendiri ia terbatal atau tidak benar kerana ia menolak dimensi *dilālah* tersebut. Begitu juga rangka cerita al-Qur’an yang dimanipulasi novel *Awlād Hāratinā* karya Najīb Mahfūz (1986). Rangka cerita al-Qur’an itu tidak sesuai dengan mesej sosialisme yang dikembangkan dalam novel itu kerana sosialisme bukan merupakan salah satu dimensi *dilālah* yang boleh dikaitkan dengan sumber Islam itu.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, *ta‘āmul* merupakan sebahagian daripada pendekatan *ta‘āmul*-taklif. Dengan *dilālah* sebagai prinsip utama, *ta‘āmul* ini dapat mempertahankan kesucian akidah Islamiah seseorang dengan memberi penekanan kepada tatacara dalam berurusan dengan sumber Islami dan bukan Islami. Berkenaan sumber Islami, sebagai contoh dalam mengkaji al-Qur’an berasaskan pendekatan *ta‘āmul*, ‘Abd al-Rāziq (2002: 43-46) mengemukakan tiga saranan yang jelas, iaitu pertama cerita al-Qur’an tidak boleh dikaji dengan pengukuran genre sastera yang bersifat insani. Seterusnya, kajian cerita dalam al-Qur’an tidak boleh dicampuradukkan dengan karya sastera insani walaupun kedua-duanya disentuh dalam satu kajian. Selain itu, cerita dalam al-Qur’an tidak wajar ditiru. Sebaliknya, ia hanya sesuai perlu dijadikan panduan atau metode kajian.

Berbeza dengan *ta‘āmul*, pendekatan semiotik menjadikan sumber Islami sebagai kod atau simbol yang boleh ditafsirkan secara bebas umpamanya contoh penggunaan Rasulullah SAW sebagai simbol atau watak seperti dalam karya *Awlād Hāratinā* dan “Langit makin mendung” menafikan fungsi akidah Islamiah. Dalam hal ini, ‘Abd al-Rāziq (2002: 57-59) mengutuk penggunaan simbol Rasulullah SAW sebagai pemuisi dalam sesetengah tulisan Sālih Ādam Bīlū dan menegaskan bahawa ia bercanggah dengan ayat al-Qur’an (36: 69). Beliau menambah bahawa pandangan seumpama ini sesat kerana bercanggah dengan fakta dan

menegaskan bahawa eksploitasi fakta sejarah Islam tentang Rasulullah SAW dan para Sahabat Baginda tidak boleh melampaui batas kebenaran hubungan individu mulia tersebut dengan situasi sebenar kegiatan puisi pada era mereka.

Pentafsiran sumber Islami melalui pandangan yang berada di luar kerangka pemikiran Islami seumpama melalui pendekatan semiotik merupakan tafsiran bebas, tidak diikat dengan tatacara berurusan dengan nilai seperti yang dituntut dalam pendekatan *ta'āmul*. Dalam hal ini, °Abd al-Rāziq (2002:135-156) menganggap elemen-elemen sastera dan kritikan Barat yang bercanggahan antara satu sama lain tidak sesuai dengan kajian Islami. Beliau menyarankan bahawa perlu wujud etika dalam *ta'āmul* (berurusan) dengan sumber Barat. Pemakaian istilah *ta'āmul* lebih tepat untuk menekan etika, tatacara atau kesedaran berbanding dengan istilah bersahaja seperti istilah *istikhdām* (mengguna) dan *tabanni* (aplikasi). Istilah ini mengenenipkan perhatian terhadap norma kebudayaan yang tersirat di sebalik sesuatu sumber. Sebaliknya, istilah *ta'āmul* menarik perhatian kepada sikap kewaspadaan. Terdapat beberapa pengkritik Islam yang lain seperti Abd al-Azīm Ibrāhīm Muhammad al-Mut°inī (1993), °Abd al-Qahhār Dāwūd °Abd-l-Lāh al-°Ānī (t.th) dan Muḥammad Bahā' al-Dīn Ḥusāyn (2003) turut menekankan kewaspadaan dalam kajian. Pada asasnya, mereka mendedahkan ketidaksesuaian pentafsiran bebas yang mendasari pendekatan kajian bukan Islami apabila berurusan dengan sumber Islami.

### *TAC'ĀMUL*, AUTONOMI PEMBACA DAN MOD PEMBACAAN

Perbincangan di bawah merupakan pelengkap kepada perbincangan di atas tentang komponen *ta'āmul* bagi gabungan pendekatan *ta'āmul*-taklif. Ia menyentuh aspek praktis atau amalan sebagai pelengkap kepada persoalan definisi dan teori komponen *ta'āmul*. Dua aspek penting yang menjadi penekanan di sini ialah autonomi pembaca dan mod pembacaan. Mod pembacaan pula boleh dibahagikan kepada dua bahagian yang lain, iaitu retorika dan poetika.

Dalam kajian bukan Islami, pembaca dianggap mempunyai autonomi dalam pembacaannya kerana dia melaku tafsiran yang bebas, yang tidak diikat dengan kesedaran tauhid atau tasauwur Islami. Pembaca seumpama ini seperti yang boleh dikaitkan dengan pandangan Umar Junus (1985: 52-54) terbahagi kepada pembaca biasa, iaitu awam dan pembaca ideal, iaitu pengkaji sastera. Pembaca ideal pula terbahagi kepada dua, iaitu

pembaca tersirat dan tersurat. Pembaca biasa atau awam diperlukan untuk mengetahui reaksi mereka terhadap sesuatu karya sastra. Reaksi pembaca biasa boleh dikutip melalui surat khabar, buku, catatan harian dan sebagainya. Ia juga boleh dikutip melalui observasi seperti melalui bersemuka dengan pembaca, soal selidik dan sebagainya, atau melalui analisis bahan-bahan ilmiah. Klasifikasi pembaca atau pengkaji seumpama ini menggambarkan autonomi pembaca tanpa sebarang keterikatan. Autonomi tersebut membawa tafsiran atau pembacaan yang bebas dan boleh melanggar batasan akidah, syariat dan akhlak Islamiah. Pembaca atau pengkaji yang mematuhi tasauwur Islami masih terikat tuntutan kesedaran tauhid seperti yang ditekankan dalam al-Qur'an (96: 1-3) walaupun apa yang dibacakannya adalah sumber bukan Islami.

Hubungan “bacalah” yang dikaitkan secara langsung dengan “nama Tuhan dengan engkau” menegaskan bahawa pembaca yang menghayati tasauwur Islami tidak mempunyai autonomi sepenuhnya, ia masih diikat dengan tauhid atau akidah Islamiah. Individu tersebut masih diberikan akal dan fikiran dan pada masa yang sama diwajibkan menggunakannya untuk melakukan kajian yang diwajibkan dalam Islam mengikut kapasiti dan keupayaan masing-masing. Pembacaan atau kajian dengan menggunakan akal dalam keadaan terkawal dalam paradigma tasauwur Islami merupakan tuntutan untuk mencapai satu tahap keimanan seperti yang boleh dikaitkan dengan beberapa ayat al-Qur'an (88: 17-20 dan lain-lain). Ini kerana akal dan fikiran yang waras dapat melihat keesaan dan keagungan-Nya melalui keadaan sunnah atau sistem ciptaan-Nya yang teratur seperti yang digambarkan dalam beberapa ayat al-Qur'an (16: 48-49 dan lain-lain). Individu Muslim yang menyedari hubungan kajian dengan tauhid tersebut berusaha menjadikan tasauwur Islami sebagai premis pembacaannya. Seterusnya, tasauwur Islami mengikut Sayyid Qutb (2002) atau kosmogoni tempatan mengikut Mohd. Affendi Hassan (1994) merupakan landasan penting bagi menentukan mod atau bentuk pembacaan dan melakukan pemilihannya. Dengan itu, mod pembacaan dalam pendekatan *ta'āmul* disandarkan pada nilai tara yang jelas, satu tuntutan tauhid.

Seperti yang telah dinyatakan mod pembacaan dalam kajian sastra terbahagi kepada retorika dan puitika. Umar Junus (1985: 54-56) mendefinisikan *legetica* atau retorika sebagai “suatu teori bagaimana proses pembacaan seorang pembaca diterangkan dan juga bagaimana semestinya suatu penerimaan dalam suatu proses pembacaan.” Beliau mendefinisikan *poetica* atau puitika sebagai “teori tentang cara suatu teks dapat dilukiskan sesuai dengan perspektif estetik itu.” Beliau



mengaitkan *legetica* dengan tujuh cara iaitu parafrasa, analisis isi, penentuan (pemilihan) bahagian teks yang relevan, asosiasi bebas, perbezaan semantik, *close procedure* dan *free card sorting*. Walau bagaimanapun, wacana *legetica* dan *poetica* yang dinyatakan ini memberi ruang pentafsiran yang bebas. Ia hanya sesuai dengan pendekatan semiotik, tidak sesuai dengan pendekatan *ta'āmul* yang diasaskan pada *dilālah* seperti yang dinyatakan di atas.

Pandangan Mohd. Affendi Hassan (1994: 3-51) tentang elemen kedua-dua wacana di atas lebih fokus kepada *dilālah*. Dalam pengamatannya, retorika atau *legetica* lebih terdedah kepada penyelewengan kerana pengkaji hanya terfokus kepada penceritaan atau parafrasa. Beliau berpendapat bahawa hanya puitika atau *poetica* memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sesebuah karya sama ada ia mempunyai nilai ilmu atau nilai penceritaan sahaja. Ini kerana pendekatan puitika menekankan aspek keindahan, kesesuaian struktur dan pengisian karya manakala aspek retorika membawa nilai propaganda dan bersifat prejudis kerana ia diasaskan pada tafsiran yang bebas. Beliau berpendapat bahawa tafsiran yang bebas pada mod pembacaan retorika yang sekalipun disandarkan kepada fakta sejarah kritikan sastera Melayu, masih terikat dengan pandangan bebas dan bersifat tidak benar. Mod pembacaan yang disarankan beliau, iaitu puitika dan seperti yang cuba dijelaskan di sini di bawah puitika lebih dekat kepada *dilālah*, dengan itu ia lebih sesuai untuk pendekatan *ta'āmul* berbanding retorika.

Sungguhpun mod pembacaan retorika membuka ruang pentafsiran yang bebas terhadap sesuatu penamaan, ia masih boleh diselaraskan dengan tasauwur Islami dengan berpandukan dimensi *dilālah* yang relevan dalam akidah, syariat dan akhlak Islamiah. Dengan demikian, pentafsiran itu dikawal oleh *dilālah*, seterusnya ia memenuhi tuntutan *ta'āmul*. Menyentuh mod pembacaan puitika, terdapat satu tradisi Islami tentang pembacaan puitika yang boleh dikembangkan dalam konteks semasa seperti yang disarankan oleh °Abd al-Rāziq (2002: 19-46). Kedua-dua mod pembacaan mempunyai kepentingan yang berbeza, mod retorika bersifat popular dan sasarannya adalah pembaca awam manakala mod puitika bersifat khusus untuk golongan yang mahir tentang puisi. Rumusan penting tentang mod pembacaan berasaskan pendekatan *ta'āmul* ialah ia diteguhkan dengan nilai tara Islami.

Nilai tara Islami dicirikan oleh dua elemen, iaitu pertama *thabāt*, ketepatan hukum-hakam; dan kedua *murūnah*, ruang dialog atau tolak ansur yang wujud pada elemen *thabāt* Apa yang dianggap fleksibel di luar paradigma tasauwur Islami dinilai oleh elemen *murūnah* atau tolak

ansur. Seterusnya kewajaran ruang tolak ansur ini tertakluk kepada *thabāt*. *Thabāt* beroperasi sebagai penentu akhir kepada mod pembacaan yang diletakkan pada ruang *murūnah*. *Thabāt* juga boleh dilihat sebagai pengukuhan mod pembacaan dengan bersandarkan asas-asas akidah, syariat dan akhlak Islamiah. Contoh *thabāt* ialah konsep ketuhanan yang dibezakan dengan jelas daripada konsep kenabian Nabi Isa AS. Sempadan kedua-dua konsep adalah tetap, tidak boleh ditolakansurkan dan ia menghalang Nabi Isa daripada disamakan dengan Tuhan. Contoh *murūnah* pula ialah penamaan atau identifikasi kepada seseorang Nabi sedangkan tiada sebarang *thabāt* atau ketetapan hukum hakam yang menghalang penamaan atau identifikasi tersebut, umpamanya penamaan reformis yang diberikan terhadap Nabi Muhammad. Ruang dialog ini dapat dipastikan kewajaran setelah menilai semula konsep kenabian untuk menentukan kesesuaian dengan konsep reformis. Setelah menilai *thabāt* yang lain, iaitu wahyu ternyata ketaksesuaiannya kerana reformis tidak dipandukan oleh wahyu berbanding sebagaimana seseorang Nabi.

### TAKLIF, KEPINCANGAN DAN PROPAGANDA

Taklif merupakan komponen kedua bagi gabungan pendekatan *ta'āmul-taklif*. Secara literalnya, taklif bermaksud tanggung jawab atau amanah. Dalam perbincangan berikut, sempadan dan pengisian taklif diberikan perhatian. Untuk menyerlahkan sempadan taklif, elemen yang dianggap kontras dengan taklif perlu disentuh, antaranya ialah kepincangan dan propaganda. Disebabkan kepincangan dan propaganda berada dalam aliran atau teori sastera bukan Islam, aliran realisme, romantisme dan sebagainya akan disentuh untuk menganalisis aspek kepincangan dan propaganda. Seterusnya, sempadan taklif dapat dikenal pasti dan untuk menyerlahkan pengisian taklif, nilai yang menjadi pengisiannya perlu disentuh, iaitu tanggung jawab atau amanah.

Menyentuh kepincang dalam aliran atau teori bukan Islami, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2007: 20-27) dan Mohd. Affendi Hassan (1994: 9-25) sependapat bahawa penteoris Barat sama ada berfahaman ateis atau beragama Kristian tetap pincang dari sudut akhlaknya. Kebanyakan teori sastera berkait dengan pentafsiran keinginan dan kebebasan seksual. Sebagai contoh, sosiologi timbul dalam kritikan sastera Barat kerana ia berkait dengan sikap sasterawan Barat yang intrinsik atau susah difahami karakternya suka berselindung di sebalik gambaran sosial yang pincang seperti persoalan atau perlambangan perzinaan, kecurangan dan

seumpamanya. Teori ini merupakan lanjutan teori realisme. Realisme bertentangan dengan syariat dan ahklak Islamiah kerana ia memartabatkan nilai picisan atau buruk sebagai ideal. Mohd. Affendi Hassan et al. (2008 : 44-55) berpendapat bahawa realisme – yang menjadi asas teori sosiologi sastera – tidak sesuai dengan Islam. Beliau berpendapat ia merupakan satu bentuk picisan dan keaiban kepada sasterawan Melayu dan Muslim amnya yang menggunakan realisme sebagai asas kajian atau tulisan mereka.

Abd al-Rāziq (2002 : 139-140) menyatakan pendedahan yang dilakukan terhadap aliran sastera Barat menunjukkan bahawa ia bercanggah dengan Islam dan persoalan sosial Islami. Ia tidak boleh digunakan sama sekali untuk kajian Islami lantaran ia merosakkan nilai murni sastera, kehidupan dan insan secara keseluruhannya. Menurutnya, aliran klasikalisme diasaskan pada usaha mengagungkan sejarah dan falsafah Greek, ia mengutamakan akal daripada realiti kehidupan sebenar. Begitu juga, romantisme tersasar daripada gambaran menyeluruh tentang kehidupan kerana ia menolak akal secara mutlak, sebaliknya tunduk kepada hati yang dipenuhi gelora pemberontakan terhadap kehidupan. Beliau turut menegaskan bahawa realisme diasaskan pada materialisme yang menekankan aspek kehaiwanan manusia dan hubungan jenis seperti yang diketengahkan oleh Darwin dan Froid. Watak utamanya adalah pincang manakala pengalaman sasteranya dalam ruang lingkup pengungkapan seks dan konflik kelas.

Selain kepincangan sosial yang agresif seperti yang dinyatakan di atas menjadi rakaman dalam karya, terdapat kepincangan sosial yang pasif dan dimuatkan dalam karya seperti pesimis dan *tashakkuk*, keraguan yang merosakkan individu dari dalam. al-Jundī Darwīsh (1972: 30-38) berpendapat bahawa aliran sastera romantisme dan realisme dikuasai elemen pesimis dan *tashakkuk*, konflik dalaman hasil ketaktentuan politik dan kesan peperangan di samping industrialisasi menyebabkan kurangnya kebergantungan manusia sebagai sumber tenaga. Perkembangan ilmu dan falsafah termasuk Darwinisme juga mempengaruhi sastera dan seterusnya menyebabkan karya sastera menjadi kompleks. Oleh itu, teori sosiologi tidak memenuhi tuntutan nilai yang tetap seperti yang dikehendaki dalam kajian Islam.

Seperti yang dinyatakan di atas, propaganda juga perlu dibahaskan untuk menggilap sempadan makna taklif. Propaganda merupakan satu bentuk penyelewengan idea yang diasaskan pada sentimen atau hasutan, bukan akal atau pertimbangan yang waras. Dalam banyak tempat dalam al-Qur'an dan Hadith, propaganda boleh disamakan dengan pembohongan,

fitnah, adu domba dan sebagainya yang ditegah oleh Islam. Propaganda sifatnya adalah tidak benar kerana ia merujuk nilai yang di luar teks sastera yang dominan manakala teks dinilai, malah dipaksa mengikut arus dominan ini. Sebagai contoh kebanyakan kajian tentang *Awlād Hāratinā* (1968) karya Najīb Mahfūz yang dianggap oleh ulama Islam menyeleweng daripada akidah Islamiah kerana dilakukan dan dinilai mengikut propaganda Barat yang memartabatkannya sebagai karya agung dan dianugerahkan Hadiah Nobel antarabangsa 1988.

Perbincangan di atas tentang kepincangan dan propaganda menyerlahkan sempadan taklif yang diisi dengan nilai dan ketegasan, iaitu tanggung jawab. Kepincangan sosial diasaskan pada pengrakaman atau peniruan, yang tabienya bercanggah dengan falsafah, teori dan praktis ilmu Islam kerana ia mengabaikan analitikal atau kritikal. Propaganda pula diasaskan pada pembohongan atau tokok tambah yang bertentangan dengan ketepatan atau kebenaran. Dengan itu, dapat disimpulkan di sini bahawa sempadan taklif ialah sifat analitikal, kritikal, ketepatan, kebenaran dan seumpamanya yang membezakan taklif daripada bukan taklif. Bukan taklif di sini ialah apa yang dianggap sebagai anti-ilmu atau anti-saintifik lantaran ia disandarkan pada nilai-nilai rapuh seperti rakaman, semborono, peniruan, pembohongan dan sebagainya. Kesemuanya anti-ilmu atau anti-saintifik kerana ia melambangkan minda yang sederhana dan tidak boleh dimartabatkan sebagai intelektual apatah lagi genius.

Dari sudut pengisian taklif pula, ia menggambarkan pelaksanaan tanggung jawab. Pelaksanaan tanggung jawab melalui ilmu kerana ciri-ciri utama ialah bermanfaat, benar dan bertanggung jawab. Ilmu berasaskan taklif boleh dibahagikan kepada ilmu langsung atau ilmu tak langsung yang dibataskan dengan ciri-ciri utama tersebut. Apa yang tidak selari dengan ciri ini seperti kepincangan, semborono dan sebagainya tidak dapat dinamakan sebagai ilmu. Menurut beberapa kata dasar dan terbitan ilmu yang terdapat dalam al-Qur'an, ilmu merupakan penjelasan, penerangan dan pengetahuan tentang *ayāt kawnīyah* dan *ayāt maktūbah* yang membawa kepada tauhid, iaitu mengesakan Allah Taala melalui ayat atau tanda. *Ayāt kawnīyah* berkait dengan alam termasuk manusia sendiri sebagai tanda keesaan dan keagungan-Nya manakala *ayāt maktūbah* ialah al-Qur'an. Dengan itu, apabila dinisbahkan kepada tasawwur Islami, ilmu itu ditokok tambah dengan sifat tauhid

Ilmu tersebut menjadi langsung melalui wacana langsung yang terdiri daripada penegasan, arahan, perintah, tunjuk ajar dan sebagainya. Ia menjadi tak langsung melalui wacana tak langsung seperti perbandingan, perumpamaan, nasihat, pujukan, pengajaran, iktibar dan sebagainya.

Kalam sastera merupakan salah satu daripada wacana ilmu tak langsung. Seperti yang dijelaskan di awal perbincangan, peranan sasterawan ialah menyampaikan ilmu tak langsung manakala peranan ilmuwan ialah menyampaikan ilmu langsung. Mempamer atau mempertonton bukan wacana ilmu lantaran ia tidak memperlihatkan unsur analitikal, kritikal, ketepatan, kewajaran dan seumpamanya, apatah lagi mempamerkan elemen keburukan seperti seksualiti.

## TAKLIF DAN SOSIOLOGI SASTERA

Perbincangan di atas menyentuh taklif dari sudut definisi dengan menumpukan aspek sempadan dan pengisiannya manakala perbincangan di bawah ini menyentuh taklif dari sudut kedudukannya sebagai satu pendekatan yang boleh mengganti pendekatan yang sebandingnya, iaitu pendekatan karya sebagai cermin masyarakat dalam teori sosiologi sastera. Perbincangan di bawah bertolak daripada pendekatan sosiologi sastera tersebut untuk melihat perbezaannya dengan pendekatan taklif.

Dalam pendekatan sosiologi sastera tersebut, perkara pokok yang digambarkan wujud dan seterusnya direfleksi dalam karya ialah ketakpuasan dan penentangan sosial terhadap peminggiran dan penindasan sosioekonomi oleh golongan pelabur atau kapitalis. Hasilnya, muncul ideologi Marxisme sebagai bantahan kepada amalan kapitalisme. Ketakpuasan terhadap kapitalisme masih wujud pada masa kini disebabkan ketidakadilan sistem tersebut yang memanipulasi tenaga manusia untuk menjana sebanyak pendapatan mungkin. Ketakpuasan dan protes yang direfleksi dalam karya memberi alternatif kepada sistem kapitalisme, sebaliknya memperkasakannya. Ini kerana ia masih tidak mengubah persepsi manusia sebagai hamba kepada sistem kapitalisme. Malah ia menambah kepada konsep perhambaan itu daripada sekadar menjadi mesin yang menjana kapitalisme kepada barang perdagangan atau mainan dalam sistem kapitalisme. Kecantikan wanita dan kerakusan lelaki di satu sudut, dan eksploitasi kapitalis dan manipulasi pihak berkuasa di sudut yang lain direfleksi dalam karya, ia merupakan protes yang hanya merendahkan tahap manusia sebagai mesen yang melakukan penjaanaan ke tahap material yang tidak bernilai.

Pendekatan sosiologi di atas tidak menggambarkan ketanggungjawaban atau amanah pengarang dan pengkritik dalam menyampaikan maklumat, jauh lagi ilmu, kepada pembaca. Sebaliknya, dalam pendekatan taklif, manusia sebagai anggota masyarakat dalam apa jua sistem ekonomi

atau politik dianggap sebagai ejen perubahan ke arah kebaikan. Manusia dalam pendekatan ini dianggap sebagai penyumbang dan pentunjuk arah dalam melakukan penjanaaan. Manusia tersebut merupakan insan kamil yang sempurna sifatnya sebagai manusia, iaitu mempunyai kekuatan akal dan ilmu pengetahuan yang membantunya untuk mengelak daripada menjadi bahan eksploitasi dan manipulasi. Oleh itu, isu dalam pendekatan taklif adalah perkasa sifatnya atau melambangkan kematangan, bukan melambangkan picisan yang tidak menyumbang kepada kebaikan.

Pemeriksaan dan kematangan isu dalam pendekatan taklif seterusnya mencerminkan satu masyarakat tauhid yang diasaskan pada nilai tetap akidah, syariat dan akhlak Islamiah manakala norma atau nilai bukan Islami tidak diperbesarkan dalam karya atau tidak dijadikan sebagai titik tolak yang penting. Dengan kata lain, pemerhatian sosial Islami dalam pendekatan ini difokuskan pada kelompok masyarakat yang berilmu dan intergral seperti yang dilakukan oleh Māzin al-Mubārak (1981). Beliau mengkaji keadaan komuniti umat Islam Abad Pertengahan yang bercirikan ilmu dan bersifat intergral, melalui lensa ilmu tak langsung dan norma yang teguh, iaitu melalui genre *maqāmāt*.


### KOMBINASI *TA'ĀMUL*-TAKLIF

Sebagai pelengkap kepada perbincangan di atas, perbincangan di sini menyentuh gabungan dua komponen tersebut, sebagai pendekatan *ta'āmul*-taklif. Ia menggambarkan dua proses, iaitu pertama pembacaan dan pentafsiran sumber dengan kesedaran ilmu dan nilai, ia dikenali sebagai *ta'āmul*; dan kedua tanggung jawab dalam menterjemahkan pembacaan dan pentafsiran tersebut dalam karya tanpa melanggar batas akidah Islamiah, ia dikenali sebagai taklif.

Berasaskan pendekatan ini, kedua-dua pengkaji dan penggubah karya sastera melakukan pendekatan *ta'āmul*-taklif sama ada secara sedar atau tidak, dan secara langsung atau tidak. Pengkaji berurusan (*ta'āmul*) dengan sumber Islami atau bukan Islami ketika melakukan kajian sama ada sumber itu dijadikan rujukan atau sasaran kritikan. Dalam berurusan ini, dia memberi respons terhadap nilai yang tersirat di sebalik sumber. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, tiada sumber yang bersifat neutral kerana apabila neutral, ia tidak mempunyai kepentingan lagi sebagai suatu yang bernilai. Respons terhadap nilai ini seterusnya memberi implikasi terhadap akidah, syariat dan akhlak Islamiah individu Muslim yang melakukan kajian itu. Seterusnya, pengkaji tersebut juga tidak terlepas

daripada merujuk karya sastera dan ketika ini dia melakukan sesuatu yang memberi kesan terhadap tanggung jawab, iaitu taklif.

Begitu juga dengan penggubah karya, walaupun dikatakan bertanggung jawab dalam menyampaikan maklumat dan ilmu yang bermanfaat, dia tidak terlepas daripada melakukan rujukan sama ada secara serius atau menggunakan pengalaman yang sedia ada tentang rujukan itu. Dengan itu, dia berurusan dengan nilai yang terhadapnya dia memberi respons dan penilaiannya. Urutan dalam berurusan dengan sumber dan menterjemahkan dalam karya melalui pendekatan *ta'āmul-taklif* boleh digambarkan secara ilustrasi seperti berikut:-



Dari ilustrasi di atas, dapat disimpulkan bahawa pendekatan *ta'āmul-taklif* mencakupi aspek falsafah dan teoretikal di satu sudut, dan aspek aplikasi dan teknikal di satu sudut yang lain. Aspek falsafah dan teoretikal telah dijelaskan di atas, begitu juga dengan aspek aplikasi. Apa yang perlu ditekankan seterusnya ialah aspek teknikal. Aspek teknikal di sini menjurus kepada perincian sumber sandaran atau landasan berhujah sama ada dalam melakukan *ta'āmul* atau taklif. *Ta'āmul* disandarkan kepada neraca atau pertimbangan akidah, syariat dan akhlak Islamiah. Sewajar bahan rujukan yang menjadi sandaran nilai karya-karya Islami yang menyentuh tiga aspek tersebut. Taklif pula berurusan dengan karya sastera yang dicirikan oleh perbincangan tentang latar masa, latar tempat, watak dan perwatakan, simbol dan sebagainya. Oleh yang demikian, karya krtikan sastera yang dibina pada asas tasauwur Islami sesuai dijadikan sandaran nilai perbahasan atau perbincangan.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pendekatan *ta'āmul-taklif* dapat memelihara tasauwur Islami tentang ilmu dan karya sastera. Ia dapat memelihara

kesucian akidah, syariat dan akhlak Islamiah seseorang pengkaji atau penggubah Muslim. Pendekatan menggabungkan dua komponen yang penting *ta'āmul* dan taklif sebagai satu pendekatan yang digunakan secara sedar atau tidak, dan sama ada mematuhi atau mengkesampingkannya.

## RUJUKAN

Al-Qur'an.

°Abd al-Rāziq, Sayyid Sayyid. 2002. *Al-Manhaj al-Islāmi Fi al-Naqd al-Adabi*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āsir.

Ahmad, Muḥammad Bahā' al-Dīn Ḥusāyn. 2003. *Haqīqat al-Istishrāq Wa Mawqifuh Min al-Islām Mundh Zuhūrih Ilā Nihāyat al-Alfiyah al-Thānīyah*. Gombak: UIA.

al-°Ānī, °Abd al-Qahhār Dāwūd °Abd-l-Lāh. t.th. *al-Istishrāq wa al-Dirāsāt al-Islamīyah*. T.tp: al-Dār al-Furqān.

al-Ghazālī, Muhammad. 1983. *°Aqidah al-Muslim*. Kaherah: Dar al-Rayyan Li al-Turath.  
al-Jundī, Darwīsh. 1972. *al-Ramziyah Fi al-Adab al-°Arabi*. Kaherah: Matba'ah Nahdah Misr.

al-Mubārak, Māzin. 1981. *Mujtama' al-Hamadhāni Min Khilāl Maqāmātih*. Dimashq: Dār al-Fikr.

al-Mut°inī, Abd al-Azīm Ibrāhīm Muhammad. 1993. *Urubba Fi Muwajahat al-Islam: al-Wasa'il Wa al-Ahdaf*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Bassnett, S. 1993. *An introduction to comparative literature*. London: Blackwell.

Būzuwaynah, °Abd al-Hāmīd. 1990. *Nazariyah al-Adab Fi Daw' al-Islam*. °Amman: Dar al-Bashir.

Mahfūz, Najīb. 1986. *Awlād Hāratinā*. Beirut: Dar al-Adab.

Mohd. Affendi Hassan. 1994. *Medan-medan dalam sistem persuratan baru*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri

Mohd. Affendi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. 2008. *Gagasan persuratan baru: Pengenalan dan penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Qutb, Sayyid. 2002. *Khasa's al-Tasawwur al-Islami Wa Muqawwimatuh*. Kaherah: Dar al-Shuruq.

Umar Junus. 1985. *Resepsi sastera persoalan teori dan metode*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 2007. *Kritikan sastera Melayu: Antara cerita dengan ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Zulkarnain bin Mohamed*

*Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam*

*Fakulti Pengajian Islam*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

E-mail: [nain\\_ukm@rocketmail.com](mailto:nain_ukm@rocketmail.com)

Tel: 017-6101467 Tel. Pej: 03-89215557